

'PUN' , KEPELBAGAIAN MAKNA BERDASARKAN TEKS SEJARAH MELAYU

Oleh
Tengku Fauziah binti Ku Mat
*Bahagian Penyelidikan Bahasa
Dewan Bahasa & Pustaka
Malaysia*

Abstrak

Kertas kerja ini menghuraikan kepelbagaian makna kata PUN berdasarkan teks *Sejarah Melayu*. Penelitian makna ini dibuat berasaskan tiga aspek utama iaitu makna leksikal, makna gramatis dan makna struktural. Teks *Sejarah Melayu* diproses dengan menggunakan perisian komputer untuk mendapatkan senarai kata dan juga baris-baris konkordans. Kata kunci PUN dipilih untuk penelitian berdasarkan kekerapannya yang tinggi dalam teks. Kata ini dianalisis berdasarkan kolokasinya dengan kata lain dalam teks untuk menampakkan penggunaannya yang berbeza. Selain itu perbandingan makna kamus serta pandangan daripada ahli bahasa juga diambil kira untuk menguatkan lagi kajian ini. Kajian ini memperlihatkan kepelbagaian makna PUN yang terdapat dalam teks *Sejarah Melayu* berbanding dengan penggunaan kontemporari.

1. Pengenalan

Kajian ini bertujuan untuk meneliti penggunaan PUN dalam teks *Sejarah Melayu*. Teks *Sejarah Melayu (Sulalat al-Salatin)* yang bertarikh 1612 daripada naskhah Ms.18 Raffles Collection yang tersimpan di Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society dipilih kerana teks ini adalah yang tertua daripada 32 naskhah atau versi *Sejarah Melayu* yang tersimpan di perpustakaan/arkib di seluruh dunia.

Kalau dilihat daripada segi bahasa, Sulalat al-Salatin adalah naskhah yang tertua kerana selain daripada ejaannya yang lebih kuno, terdapat perkataan-perkataan dalam sebutan lamanya yang jarang didapati dalam kitab-kitab Melayu lama seperti kata *asti*, *sarhad*, *incit*, *netiasa* dan banyak lagi (Abdul Rahman Ismail, 1998:17). Berdasarkan teks ini, kepelbagaian makna PUN dapat diteliti dengan lebih tuntas.

2. Metodologi Penelitian

Metodologi yang digunakan untuk penelitian ini adalah kajian berdasarkan kaedah Linguistik Korpus dengan memanfaatkan Pangkalan Data Korpus Bahasa Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka.

2.1 Data

Untuk penelitian Linguistik Korpus data perlu didigitalkan. Teks *Sejarah Melayu* terlebih dahulu dirakam secara elektronik dan diinput ke dalam pangkalan data korpus. Hasilnya sebuah korpus *Sejarah Melayu* sebesar lebih kurang 74,000 perkataan. Data ini nanti akan menjadi bahan utama dalam kajian analisis ini.

2.2 Pemprosesan

2.2.1 Senarai Kata dan Kekerapan

Seterusnya data teks *Sejarah Melayu* dianalisis dengan perisian *Malay Text Analysis* (MATA) untuk mendapatkan maklumat tentang kekerapan kata, kata dasar dan kata berimbuhan dalam teks tersebut.

Contoh MATA teks *Sejarah Melayu* adalah seperti berikut:

```
*****
WORD ANALYSIS - ROOT WORD FREQUENCY
*****

Options :
-----
Number of words      :           All
Frequency            :           All

Total Number of Words      74206   100.00000
  Root Words                69464   93.60968
  Affixed Words              1684    2.26936
  New Words                  2945    3.96868
  Numbers                    0       0.00000
  Invalid Words              113     0.15228

#####
Root Word                  Count      (%)
#####
maka                       :         4422    5.95909
itu                        :         2023    2.72619
pun                       :         1834    2.47150
raja                       :         1524    2.05374
ke                         :         1075    1.44867
sultan                     :         1042    1.40420
orang                      :         1014    1.36647
yang                       :          956    1.28831
baginda                    :          924    1.24518
tun                        :          897    1.20880
```

Berdasarkan senarai ini, kekerapan PUN ialah sebanyak 1834 kali. Jumlah ini kemudiannya dikeluarkan baris konkordans dan dicari kolokasi untuk menentukan konteks pemakaian.

2.2.2 Konkordans

Konkordans ialah satu perisian/program yang membolehkan penyenaiaan kekerapan sesuatu perkataan dalam sesebuah teks dalam baris yang sama. Ia memperlihatkan konteks perkataan yang berada sebelum dan selepas perkataan pilihan. Penyenaiaan ini disebut sebagai senarai konkordans (Biber *et al.*, 1998:26). Contoh senarai konkordans PUN dalam teks *Sejarah Melayu* adalah seperti berikut:

```
RECORD NUMBER      : 1
KEYWORD            : "pun"
CONCORDANCE        :
LINES :
1 Setelah sudah, Raja Kida Hindi ***pun*** membawa imanlah, jadi Islam,
2 amanya. Maka Raja Kida Hindi ***pun*** memanggil Perdana Menterinya p
3 ripada itu maka Raja Iskandar ***pun*** keluarlah ke penghadapan, diha
4 ada ketika itu Raja Kida Hindi ***pun*** ada mengadap Raja Iskandar, d
5 aka Nabi Khidir `alayhissalam ***pun*** bangkit berdiri serta menyebut
6 Khidir demikian itu, maka ia ***pun*** segera turun dari atas kursiny
7 lian, dan anak hamba sekalian ***pun*** hamba ke bawah duli, bukan sep
8 banyaknya; dan Raja Iskandar ***pun*** menugerahai persalin akan seg
9 dibuka. Maka Raja Kida Hindi ***pun*** dianugerahai persalin, atus bu
10 Puteri, anak Raja Kida Hindi ***pun*** dibawa baginda. Maka Raja Isk
11 baginda. Maka Raja Iskandar ***pun*** berjalanlah lalu ke matahari h
12 berapa lamanya, Raja Iskandar ***pun*** kembalilah daripada melihat m
13 eri Hindi maka Raja Kida Hindi ***pun*** keluar mengadap Raja Iskandar
14 a lagi. Maka Raja Kida Hindi ***pun*** menjunjung duli Raja Iskandar,
15 n Tuan Puteri Syahrul Bariyah ***pun*** tiada tahu akan dirinya bunti
16 ka Tuan Puteri Syahrul Bariyah ***pun*** memberi tahu ayahnya Raja Kid
17 a Tuan Puteri Syahrul Bariyah ***pun*** beranaklah seorang laki-laki,
18 berapa lamanya, Arisytn Syah ***pun*** besarlah, terlalu amat baik r
19 ka Raja Arisytn [7] $$$71 Syah ***pun*** berpindahlah dari negeri yang
20 da seratus tahun, maka baginda ***pun*** hilanglah. Maka anak raja ba
```

Penelitian PUN berdasarkan senarai konkordans teks *Sejarah Melayu* ini penting untuk mengenal pasti makna PUN yang muncul.

2.2.3 Kolokasi

Sinclair (1991:170) menjelaskan kolokasi sebagai "*The occurrence of two or more words within a short space of each other in a text*". Melalui kolokasi sesuatu perkataan membawa maksud tertentu apabila berkolokasi

dengan perkataan lain. Secara lebih jelas, perkataan yang wujud bersama akan membolehkan sesuatu perkataan lain itu difahami maknanya.

PUN dengan penelitian berdasarkan kolokasi ini telah menerbitkan banyak makna yang belum dirakamkan di mana-mana kamus buat masa ini. Makna-makna ini muncul berdasarkan perbezaan persekitaran linguistik pada masa tersebut. Contoh kolokasi PUN ialah:

Kolokasi Kiri		Kata Kunci	Kolokasi Kanan	
Bentuk Kata	Kekerapan		Bentuk Kata	Kekerapan
itu	230	PUN	terlalu	71
Syah	119		tiada	59
baginda	103		kembalilah	55
Aldiraja	42		pergi	48
laksamana	40		datang	41

Melalui pengetahuan kolokasi, PUN dapat ditentukan maknanya dengan lebih jelas dan terperinci.

2.3 Perbandingan Kamus

Selain membuat penelitian berdasarkan korpus bahasa Melayu, perbandingan makna pelbagai kamus juga penting dalam kajian ini. Antara kamus yang diambil kira dalam penelitian ini ialah kamus-kamus ekabahasa bahasa Melayu seperti *Kamus Dewan* (Edisi Pertama, Kedua dan Ketiga), *Kamus Umum Bahasa Indonesia dan Kamus Besar Bahasa Indonesia*. Manakala kamus-kamus dwibahasa pula seperti kamus yang digarap oleh Wilkinson, Winstedt, dan Marsden.

3. Asas Teoretis

Menurut Asmah Hj. Omar (1982:148) PUN merupakan kata supraayat (termasuk juga, jua, pula, sahaja) iaitu kata yang penggunaannya hanya jelas dalam hubungan antara ayat. Ia adalah partikel yang secara amnya membawa makna 'penegasan'. Bagaimanapun 'penegasan' yang didukung oleh PUN tidaklah sama dengan penegasan yang dibawa oleh kah, lah dan tah, yang masing-masingnya berkait erat dengan suasana ayat, yakni ayat tanya, berita atau perintah.

Penegasan yang didukung oleh PUN berkait erat dengan makna yang didukungnya dalam penggunaan ayat. PUN tidak dihadkan penggunaannya dalam ayat yang mempunyai suasana tertentu, tetapi menunjukkan kaitan antara ayat dengan mendukung konsep-konsep tertentu (Asmah Hj. Omar, *ibid*).

Za'ba (2000: xix, 207) pula berpendapat, PUN terbahagi kepada dua fungsi, iaitu:

- i. sebagai suatu partikel, partikel PUN (juga partikel lain dalam bahasa Melayu) dianggap sebagai kata yang termasuk dalam sistem tertutup kerana ia hanya berperanan dalam struktur tertentu sahaja.
- ii. sebagai huruf penambah (di hujung) dalam bahasa Melayu, PUN apabila masuk kepada mana-mana perkataan asal akan membawa maksud-maksud yang tertentu.

Kedua-dua kaedah ini lebih bersifat mudah berbanding dengan kaedah sebelumnya.

Menurut Nik Safiah dkk (1996:248), selain berfungsi sebagai kata penegas, PUN juga dikenali sebagai partikel iaitu perkataan yang memberi penekanan pada bahagian-bahagian tertentu dalam ayat. PUN ialah antara kata penegas yang menegaskan kedua-dua bahagian ayat, iaitu frasa nama sebagai subjek atau bahagian-bahagiannya atau frasa predikat atau bahagian-bahagiannya. Fungsi partikel ini sama seperti juga, jua, sahaja, lagi dan memang iaitu bersifat bebas daripada segi kehadirannya dalam ayat.

Menurut Anton Moeliono dkk (1988:248) pula, partikel PUN hanya dipakai dalam ayat penyata sahaja. Kaedah pemakaiannya adalah seperti berikut:

- i. PUN dipakai untuk menegaskan erti kata yang diiringinya (dalam penulisan ia dipisahkan dari kata di depannya).
- ii. Dengan erti yang sama seperti di atas, PUN dipakai bersama –lah.

Makna PUN di sini masih lagi dalam lingkungan kata penegas, iaitu sama seperti kaedah yang diutarakan dalam Tatabahasa Melayu Dewan.

Daripada keterangan-keterangan yang diberikan oleh ahli bahasa, PUN berfungsi sebagai partikel penegas.

4. Analisis Data

Fokus penelitian kata PUN ini dibuat berdasarkan tiga aspek utama, iaitu daripada segi makna leksikal, makna gramatis dan makna struktural. Ketiga-tiga aspek ini merupakan aspek penting dalam membuat penelitian terhadap sesuatu makna. Makna leksikal ialah makna denotasi atau makna yang dinyatakan dalam kamus, makna gramatis ialah makna yang terkandung dalam sesuatu imbuhan apabila ia digabungkan dengan kata dasar mahupun dengan perkataan yang telah mendapat pengimbuhan sebelumnya (kata terbitan). Manakala makna struktural pula ialah makna perkataan yang terdapat dalam sesuatu ayat (Darwis Harahap, 1994:44). Berfokuskan ketiga-tiga aspek inilah, kajian kata PUN dapat dibuat secara tuntas dan tepat.

4.1 Makna PUN dalam Kamus

Terdapat banyak makna PUN dalam kamus. Antara kamus yang diambil kira dalam penelitian ini ialah kamus-kamus ekabahasa bahasa Melayu seperti *Kamus Dewan* (Edisi Pertama, Kedua dan Ketiga), *Kamus Umum Bahasa Indonesia*, *Kamus Besar Bahasa Indonesia* dan *Kamus Bahasa Melayu* oleh Winstedt. Manakala kamus-kamus dwibahasa pula seperti kamus *Malay-English Dictionary* yang digarap oleh Wilkinson dan kamus *Dictionary of Malayan Language* oleh Marsden.

Berikut adalah jadual pengelasan makna PUN berdasarkan kamus-kamus yang dinyatakan di atas:

Kamus Makna	KD1	KD2	KD3	KUBI	KBBI	KBM WINST	MED WIL	DML MARS
1. juga, dan demikian juga	/	/	/	/	/	/	/	
2. biar, kendati, meski, walau	/	/	/	/	/	/		
3. bahkan, malahan, sedangkan... (apa lagi...)	/	/	/	/	/	/		
4. apa saja, bagaimana saja, apa-apa jua	/	/	/	/	/			
5. ~...lah utk menyatakan bahawa perbuatan mulai berlaku (terjadi)	/	/	/	/	/			
6. Utk menguatkan serta menegaskan pokok ayat	/	/	/	/	/		/	/
7. = sekali ~sekali juga	/	/	/				/	

Ketiga-tiga Kamus Dewan mempunyai makna yang sama, manakala bagi Kamus Indonesia, makna ke-7 tidak termasuk dalam makna PUN. Bagi kamus-kamus dwibahasa pula, hanya makna yang terpilih sahaja yang dicatatkan.

4.2 PUN dalam teks *Sejarah Melayu*

Penggunaan PUN dalam teks *Sejarah Melayu* dapat dilihat daripada beberapa aspek, iaitu:

i. digunakan selepas kata nama, contoh:

Tuan Puteri Syahrul Bariyah **pun** beranaklah seorang laki-laki, rupa lamanya, Arisyun Syah **pun** besarlah, terlalu amat baik r naik raja. Tursi Biradaras **pun** beristerikan anak Raja Amdan Raja Muda. Negeri Singapura **pun** besarlah, maka segala dagang p a rakyat. Maka negeri Melaka **pun** terlalu besarlah, dan segala da alah oleh Siam. Maka Siam **pun** kembalilah; seraya ia pulang hak pun banyaklah mati, darah **pun** mengalir di bumi daripada san telah sudah makan, maka sirih **pun** datang. Hatta berapa lamanya da sudah mangkat. Maka surat **pun** diaraklah ke perahu, maka Ser pegawai dan orang besar-besar **pun** datang mengadap Sultan Ahmad, dan segala rakyat hina-dina **pun** makanlah sedaun. Setelah sud ukit yang tinggi-tinggi itu **pun** habis menjadi rata, segala sun nya, "Wah, rambutku ini, dia **pun** turut tadi ruman." Demikian ijaya Sura, dan keris baginda **pun** dianugerahkan sekali pada Tu

Kata nama sebelum PUN dalam konteks ayat ini termasuklah kata nama orang, nama benda, nama tempat, kata ganda dan kata ganti nama. Kategori ini paling banyak terdapat dalam teks Sejarah Melayu.

ii. digunakan selepas kata kerja, contoh:

lah ke istana baginda, santap **pun** baginda tiada; maka Tun Fatim ka sahut Kitul, maka disuruh **pun** Raja Mendaliar bukai pintu. M gankan ia tertawa, tersenyum **pun** ia tiada penah. Maka baginda aginda, "Jikalau beta dibunuh **pun** oleh Raja Besar, yang beta pe a makan, ke atas, jika minum **pun** ke atas, karena ia orang besar

iii. digunakan selepas kata tugas, contoh:

Hujung Tanah". Maka beberapa **pun** dilarang bonda, baginda henda uat kebaktian kepadanya. Lagi **pun** hamba bukankah saudara tuan h rakyat yang tiada tepermenai **pun** berjalanlah. Maka segala huta "Padang maya ini?". Sekarang **pun** "Padang Maya" juga disebut [4 ada dapat masuk, barang siapa **pun** baik; jikalau berkeris di bel au emas berkepala perak, itu **pun** larangan Raja Melayu; barang n Raja Kasim. Maka dalam itu **pun** alah. Adapun Raja Rekan tiad ngku Siam, bekas menanak, itu **pun** tumbuh juga, datang sekarang. i dan segala buah-buahan ini **pun** bijinya kami tanam. Seka besarnya, sekarang besi ini **pun** habislah haus. Demikianl

Hampir keseluruhan penggunaan partikel PUN dalam konteks ayat dalam teks Sejarah Melayu di atas berfungsi sebagai kata penegas. Ia berfungsi untuk memberi penekanan pada frasa nama (subjek) dan frasa predikat dalam sesuatu ayat.

Kalau dilihat penggunaan kata selepas kata PUN pula, kebanyakannya diikuti dengan kata kerja dan hanya beberapa sahaja yang diikuti dengan kata nama, kata sifat dan sebagainya. Ini menjelaskan lagi fungsi PUN sebagai kata penegas bagi frasa predikat.

4.3 Makna PUN dalam teks *Sejarah Melayu* yang sudah terakam dalam kamus.

Makna PUN dalam teks Sejarah Melayu telah dibuat perbandingan dengan makna yang telah tercatat dalam pelbagai kamus. Kamus yang menjadi teras perbandingan ialah Kamus Dewan Edisi ke-3, 1994, manakala kamus-kamus lain pula diambil kira daripada segi persamaan makna.

Berdasarkan Kamus Dewan, PUN terbahagi kepada tujuh makna, akan tetapi hanya lima makna sahaja yang dikenal pasti merangkumi makna yang terdapat dalam teks Sejarah Melayu, iaitu:

i. biarpun, kendatipun, meskipun, walaupun.

Dalam teks Sejarah Melayu, PUN yang membawa maksud tersebut selalunya berkolokasi dengan beberapa perkataan sebelumnya seperti beberapa, berapa-berapa, sekali dan sungguh, contoh:

1. Balidamesi pun terkejut lalu lari, **beberapa pun** ditahani oleh Tun Abdul Karim tiada juga tertahan. (hl. 218)
2. Maka **beberapa pun** dilarang bonda, baginda hendak pergi juga. (hl. 288)
3. Maka **berapa-berapa pun** Bendahara Seri Maharaja melarang, tiada juga dikhabarkan orang, ditikam juga. (hl. 230)
4. Maka titah Batara, "Baiklah! Jangankan Siantan, jikalau Palembang **sekali pun** dipohonkan oleh Laksamana, nescaya kita anugerahkan". (hl. 159)
5. Yang hamba itu, sekali-kali tiada melalui kehendak tuannya, jangan, pada jahat **sekali pun**, tambahan pula sepenuh-penuh kurnialah junjung".(hl. 312)
6. Maka Seri Bija Aldiraja pun kembali membawa Maharaja Sura kepada Bendahara Paduka Raja; tetapi akan Maharaja Sura itu **sungguh pun** ditangkap Seri Bija Aldiraja, tiada dipasungnya, dan tiada diikatnya. (hl. 171)

Makna ini juga meliputi makna PUN yang terdapat dalam *Kamus Besar Bahasa Indonesia*, *Kamus Umum Bahasa Indonesia*, *Kamus Bahasa Melayu* R.O. Winstedt dan *Malay-English Dictionary* R.J. Wilkinson.

ii. juga, demikian juga.

Makna ini menunjukkan maksud termasuk sama pada sesuatu hal atau perbuatan. Contoh dalam teks Sejarah Melayu yang membawa maksud tersebut ialah:

1. Setelah datang kepada sebelas harinya maka berangkatlah Raja Iskandar seperti adat dahulu kala, dan Tuan Puteri, anak Raja Kida Hindi **pun** dibawa baginda (hl. 70)
2. Setelah datang kepada pintu di luar, maka Li Po dan segala orang besar-besar yang sertanya pun berhenti; **gagak pun** berhenti. (hl.167)

iii. Untuk menyatakan bahawa perbuatan/perkara mulai terjadi.

PUN yang membawa makna ini biasanya berkolokasi dengan kata nama waktu di hadapan kata akar serta di belakangnya yang diikuti dengan partikel 'lah' (sama ada di depan atau di belakang kata akar). Menurut

Za'ba (2000:231), PUN di sini bermaksud berturut daripada sesuatu hal yang telah berlaku, contoh:

1. Setelah itu **hari pun sianglah**. Dari pagi-pagi hari maka baginda Seri Rana Wikrama pun berangkatlah keluar diadap orang. (hl. 103)
2. Hatta **hari pun asarlah**, maka datang sebuah kapal dari Jeddah, lalu ia berlabuh. (hl. 123)
3. Setelah demikian fikirnya, **hari pun malam**, maka oleh Nina Sudar Dewana, diambilnya emas sebahara dibawanya ke rumah Bendahara Seri Maharaja. (hl. 259)
4. Setelah berapa hari antaranya, **musim akan kembali pun datanglah**, maka Saidi Ali Ghiyasuddin pun membaiki alat kapalnya akan berlayar. (hl. 112)

Makna ini meliputi makna yang terdapat dalam *Kamus Besar Bahasa Indonesia* dan *Kamus Umum Bahasa Indonesia*.

iv. untuk menguatkan/menegaskan pokok ayat, contoh:

1. Setelah datang pada Batara, maka sembahnya, "Tuanku, kula hendak memohonkan Siantan; jikalau dianugerahkan **pun**, dipada; jikalau tiada dianugerahkan **pun**, dipada".(hl. 158)
2. Maka Sultan Abdul Jalil dan Paduka Tuan dan segala orang banyak **pun** naiklah bermain di Pulau Sabat itu. (hl. 281)
3. "Jikalau tiada **pun** beta dipanggil, yang beta sedia akan mengadakan juga, karena siapa lagi yang beta pertuankan? Jikalau lain daripada Sultan Mahmud Syah, tiada beta sembah. (hl. 286)

Makna ini juga meliputi makna yang terdapat dalam *Kamus Besar Bahasa Indonesia* dan *Kamus Umum Bahasa Indonesia*.

v. apa saja, siapa saja, ke mana saja (sesuatu yang tidak jelas).

PUN yang membawa maksud yang tidak jelas biasanya berkolokasi dengan kata tanya (umum) di hadapan kata akar seperti apa, siapa, ke mana, bagaimana dan sebagainya, contoh:

1. Maka titah baginda pada keempat orang itu, "Apa kehendak tuan hamba sekalian? Pintalah pada kita supaya kita beri. Jikalau **apa pun**, tiadakan beta tahani". (hl. 216)
2. Diceriterakan oleh orang bahawa Patih Adam selama di Melaka itu tiada penah ia bercerai barang sejari jua pun dengan Tun Menida; barang **ke mana pun** ia pergi, bersama-sama juga. (hl. 228)
3. Maka sembah Patih Aria Gajah Mada, "Baiklah, tuanku; barang **siapa pun** baik, lamun tuanku bersuami juga". (hl. 148)

Makna ini meliputi makna yang terdapat dalam *Kamus Besar Bahasa Indonesia* dan *Kamus Umum Bahasa Indonesia*.

4.4 Makna PUN dalam teks *Sejarah Melayu* yang masih belum terakam dalam kamus.

Berdasarkan penelitian kolokasi PUN dengan ayat di kiri dan kanannya, ada beberapa makna yang pada pandangan kami masih belum terakam di dalam kamus, makna tersebut ialah:

- i. menegaskan/mengulangi sesuatu perkara yang pernah berlaku sebelum waktu cerita.

Makna ini muncul apabila kata PUN berkolokasi dengan kata sifat waktu (sekarang) yang didahului dengan keterangan peristiwa sebelumnya, contoh:

1. Setelah sudahlah negeri itu, maka dinamai Raja Syulan, Bija Nagara; **sekarang pun** ada lagi negeri itu di benua Keling. (hl. 77)
2. Pada suatu ceritera, datang **sekarang pun** tanah nagara bukit itu seperti warna emas rupanya. (hl. 83)
3. Maka menjadi busuklah tempat itu; datang **sekarang pun** nama tempat itu "Biawak Busuk" disebut orang. (hl. 119)
4. **Sekarang pun** "Padang Maya" juga disebut [45] orang. (hl. 115)

- ii. lalu, segera, terus.

Makna ini jelas menunjukkan PUN sebagai kata penanda wacana untuk menerangkan waktu sesuatu perbuatan/kejadian. Menurut Asmah (1982:149), kata PUN yang menimbulkan kaitan waktu mempunyai makna 'kemudian', dan 'lalu'. Ia merujuk kepada waktu sesuatu perbuatan itu dilakukan, tegasnya waktu sesudah perbuatan dalam ayat pertama dilakukan. PUN untuk makna ini selalunya berada selepas kata nama. Contoh dalam teks *Sejarah Melayu* ialah:

1. Maka Tuan Puteri Syahrul Bariyah **pun** memberi tahu ayahnya Raja Kida Hindi, katanya, "Ketahui oleh ayahanda, bahawa hamba dua bulanlah sekarang tiada haid". (hl. 71)
2. Hatta berapa lamanya, Arisyun Syah **pun** besarlah, terlalu amat baik rupanya, tersalin akan rupanya ayahnya Raja Iskandar (hl. 71)

- iii. tidak ada langsung, tiada sedikitpun.

PUN yang membawa makna ini biasanya berkolokasi dengan suatu ~ tiada, sedikit ~ tiada, tiada ... ~ , contoh:

1. [Demang Lebar Daun] **pun** segera datang, maka dilihat Demang Lebar Daun anaknya selamat, **suatu pun tiada** berbahayanya, maka ia **pun** terlalu sukacita melihat anaknya itu selamat, tiada berbahaya. (hl. 87)

2. Maka segala arta dan emas semuanya dibahagi oleh Bendahara, disuruhnya membawa arta dan emas; maka semuanya habis lepas, **satu pun tiada** tinggal. (hl. 294)
3. Maka oleh orang Suir itu dilambung-lambunginya lembing itu, maka ditahankannya belakangnya, maka lembing itu pun jatuh lalu mengambul di atas belakangnya, **sedikit pun tiada** luka. (hl. 143)
4. Demikianlah peri banyak rakyat raja kami, **tiada seorang jua pun** yang tahu akan bilangan". (hl. 168)

iv. tidak berlaku langsung.

PUN di sini menunjukkan penegasan terhadap sesuatu yang tidak pernah berlaku. Makna ini muncul apabila PUN berkolokasi dengan kata tiada ...~, contoh:

1. Demikianlah peri banyak rakyat raja kami, **tiada seorang jua pun** yang tahu akan bilangan". (hl. 168)
2. Diceriterakan oleh orang bahawa Patih Adam selama di Melaka itu **tiada** penah ia bercerai barang sejari **jua pun** dengan Tun Menida; barang ke mana pun ia pergi, bersama-sama juga. (hl. 228)

v. menceritakan tentang sesuatu perkara/watak, kejadian dan perihal, contoh:

1. Maka diberi oleh Pra Cau pada tempat yang lain, mengadap ke matahari hidup; **ada pun** tempat itu ada tertipis sedikit, lagi berkurang alatnya. (hl. 144)
2. **Ada pun** akan Raja Maluku itu terlalu tahu bermain sepak raga; maka segala anak tuan-tuan bermainlah dengan Raja Maluku, maka menjadi ibu. (hl. 201)
3. **Ada pun** alat Nakhoda Saidi Ahmad itu bukannya barang-barang; orang telah perkatalah segala orangnya. (hl. 240)
4. Setelah sudah baginda hilang, maka Raja Kupikudar pula naik raja; **adapun** umur baginda di atas kerajaan enam puluh tiga tahun. (hl. 72)
5. **Adapun** anak cucu Bat itulah asal orang membaca ceritera dahulu kala. (hl. 85)

Dalam teks Sejarah Melayu, *adapun* kadangkala ditulis dengan satu perkataan, dan pada masa lain pula ditulis berasingan iaitu *ada pun*, namun maknanya masih lagi sama. Mengikut tatabahasa baku bahasa Indonesia (1988:241), *adapun* merupakan *Konjungsi Antarparagraf* iaitu kata untuk memulakan satu paragraf (yang digunakan kata *adapun*) dengan paragraf sebelumnya.

Menurut Za'ba (ibid:481) pula, *adapun* merupakan perkataan yang dianggap sebagai pembatas kecil dalam sesuatu ayat. Ia dipakai untuk memulai keterangan yang baru. Adapun, menurutnya bermakna 'tentang',

'akan', 'sekarang hal yang ada pada ... pula', dan 'sekarang tentang hal ... pula'.

vi. dan lagi, tambahan pula, lebih-lebih lagi.

Untuk makna ini, PUN berkolokasi dengan perkataan 'lagi' sebelum kata akar, contoh:

1. Akan Paduka Tuan telah tuha, **lagi pun** telah betongkah, giginya pun sudah habis tanggal. (hl. 262)
2. **Lagi pun** hamba bukankah saudara tuan hamba? Sampai hatikah tuan hamba meninggalkan hamba?". (hl. 295)

vii. menunjukkan ada perkaitan sebab-musabab.

PUN yang menunjukkan perkaitan sebab musabab ini berkolokasi dengan kata 'sebab' di sebelah kiri dan 'kerana' di sebelah kanannya, contoh:

Maka titah Sultan Mahmud Syah, "Sudah diketahui Hang Isap disumpahi oleh Syarif itu, mengapa Hang Nadim menumpang juga pada kapalnya?" Maka sembah Hang Nadim, "**Sebab pun** patik naik pada kapal Hang Isap, **karena** kapal yang lain tiada pergi. (hl. 234)

viii. lagi.

Perkataan 'belum' yang berkolokasi dengan PUN akan membawa makna 'belum lagi' dalam teks Sejarah Melayu, contoh:

Maka kata Bendahara Seri Maharaja, "Jikalau **belum pun** Laksamana menengar titah, hamba sudah menengar titah". (hl. 252)

ix. kerana, disebabkan oleh.

PUN berkolokasi dengan kata 'kerana' sebelumnya membawa maksud disebabkan oleh, contoh:

Maka Seri Maharaja, "Salah kata tuan hamba sekalian, **karena pun** ada cermin pada mata hamba. (hl. 225)

x. perbandingan (dengan sesuatu).

PUN yang membawa makna perbandingan selalunya berkolokasi dengan kata 'tiada' selepas atau sebelum kata PUN, contoh:

1. Terlalu indah-indah perbuatan istana itu, sebuah **pun** istana raja-raja dalam dunia ini **tiada** sepertinya pada zaman itu. (hl. 164)
2. Pada zaman itu sebuah **pun** negeri **tiada** menyamai Melaka melainkan Pasai, Haru; tiga buah negeri itu, tuha muda pun rajanya, berkirim salam juga. (hl. 180)

3. " Akan peri baik paras Tun Teja namanya, anak Datuk Bendahara Pahang, **tiadalah** samanya seorang **jua pun** pada zaman ini; tetapi sudah bertunangan dengan Raja Pahang, hampirlah akan duduk." (hl. 238)

Kebanyakan makna PUN yang dapat dikesan melalui teks Sejarah Melayu ini adalah lebih bersifat pragmatik, iaitu berpandukan penceritaan yang sebenar dalam teks tersebut, bukan berdasarkan teori atau pandangan ahli bahasa.

5. Kesimpulan

Berdasarkan kaedah linguistik korpus, makna PUN yang masih belum terakam dalam kamus dapat dikeluarkan mengikut situasi atau konteks ayat. Kaedah ini sangat bermanfaat kerana ia akan membantu memperkasakan lagi bahasa Melayu itu sendiri.

Bibliografi

1. Anton Moeliono et al., 1988. *Tata Bahasa Baku Bahasa Indonesia*. Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
2. Asmah Haji Omar, 1982. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Edisi Kedua Cetakan Pertama.
3. Biber, Douglas et al., 1998. *Corpus Linguistics Investigating Language Structure and Use*. United Kingdom: Cambridge University Press.
4. Darwis Harahap, 1994. *Binaan Makna*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
5. *Kamus Dewan*, 1970. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
6. *Kamus Dewan*, 1989. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
7. *Kamus Dewan*, 1994. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
8. *Kamus Umum Bahasa Indonesia*, 1976. Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
9. *Kamus Besar Bahasa Indonesia*, 1995. Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan. Edisi Kedua.
10. Marsden, William, 1812. *A Dictionary of the Malayan Language*. London: Cox and Baylis.
11. Nik Safiah Karim et al., 1996. *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*. Cetakan Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
12. Sinclair, J., 1991. *Corpus, Concordance, Collocation*. Oxford: Oxford University Press.
13. Wilkinson, R. J., 1959. *Malay-English Dictionary (Romanised)*. London: St. Martin's Press.
14. Winstedt, Richard, 1960. *Kamus Bahasa Melayu*. Cetakan Pertama. Singapura & Kuala Lumpur: Marican & Sons.
15. Zainal Abidin bin Ahmad, 2000. *Pelita Bahasa Melayu Penggal I-III*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Edisi Baharu.